

05/05/1997

Ganjaran setia untungkan majikan, pekerja

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan memberi jaminan skim pengiktirafan kepada pekerja setia yang akan dilaksanakan tidak akan membebankan majikan sama ada dalam sektor perkhidmatan awam atau swasta.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata sebaliknya skim itu akan memanfaatkan majikan apabila pelbagai ganjaran ditawarkan kepada pekerja terbabit mendorong pekerja lain untuk terus setia berkhidmat.

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan mekanisme skim itu, tetapi berkata ia memberi pulangan baik kepada majikan dan pekerja.

Menurutnya, antara perkara yang diteliti ialah pemberian elaun tambahan kepada pekerja setia selain pelbagai ganjaran lain, termasuk bantuan pendidikan kepada anggota keluarga pekerja berkenaan.

"Kementerian sedang meneliti perkara ini dan menerima maklum balas daripada pelbagai pihak, termasuk beberapa kementerian berkaitan.

"Kita akan mengemukakan laporan lengkap berhubung perkara ini kepada Kabinet selewat-lewatnya hujung bulan ini atau awal bulan depan.

"Secara prinsipnya, Kabinet sudah bersetuju dengan pelaksanaannya, malah cadangan skim ini sendiri datang daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak penjaja sementara di Jalan Genting-Klang, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam mengenai langkah kerajaan menyediakan garis panduan khas untuk memberi ganjaran kepada pekerja yang lama berkhidmat dan setia dengan majikan.

Anwar berkata, skim ganjaran itu bukan saja sebagai pengiktirafan terhadap pekerja setia, malah dapat mencegah sikap suka bertukar kerja berikutan tawaran lebih menarik di tempat lain.

Sementara itu, Lim yang juga Timbalan Presiden MCA berkata beliau akan mengemukakan laporan kepada Kabinet Rabu depan mengenai masalah penempatan penjaja di kawasan Genting-Klang, di sini.

Menurutnya, masalah penjaja di kawasan itu kini selesai berikutan persetujuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, persatuan penjaja dan MCA Bahagian Wangsa Maju terhadap kawasan alternatif yang ditetapkan.

Kabinet dalam mesyuarat minggunya 2 April lalu mengarahkan supaya Lim campur tangan bagi menyelesaikan segera masalah penjaja di kawasan berkenaan.

Katanya, kawasan itu yang terletak tidak jauh daripada tapak penjaja yang lama, bagaimanapun hanya boleh digunakan apabila perbelanjaan bagi menyiapkan kawasan itu, termasuk memasang paip dan longkang dapat disediakan.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM51,300 untuk kerja itu. Saya berharap mereka dapat berbincang bagaimana hendak menyediakan wang sebanyak itu supaya penempatan semula penjaja dapat dilakukan segera," katanya.

Beliau berkata, tapak penjaja sebelum ini dihapuskan berikutan kesesakan di kawasan itu.

Pengarah Jabatan Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil DBKL, Shukran Abdul Halim, berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan persatuan penjaja dan MCA Bahagian Wangsa Maju, esok.

Menurutnya, DBKL hanya memerlukan tempoh dua minggu untuk menyiapkan kawasan penjaja itu.

Penjaja dijangka menggunakan tapak sementara itu selama kira-kira

setahun setengah sehingga pasar kekal yang kini dalam perancangan
disiapkan.

(END)